

WACANA PLURALISME AGAMA: SATU PENELITIAN MENURUT PANDANGAN SARJANA BARAT DAN MUSLIM

Marina Munira Abdul Mutalibⁱ & Yuseri Ahmadⁱⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan. Program Pengajian Akidah dan Agama, USIM. marina.m@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Program Pengajian Akidah dan Agama, USIM. yuseri@usim.edu.my

Abstrak

Wacana Pluralisme Agama telah berkembang dan menjadi perbahasan di kalangan para cendekiawan Barat mahupun dalam kalangan dunia Muslim semenjak akhir kurun ke20. Malah, faham eksklusif agama atau (religious exclusivism) telah mencorakkan dan memberi kesan kepada pemahaman maksud agama di Barat. Ini kerana, perkataan "agama" seringkali dikaitkan dengan faham eksklusif agama yang didominasi oleh agama Kristian dan telah menjadi kayu ukur dalam menetapkan ciri-ciri penting agama lain (non-Christians). Pengalaman agama Kristian juga melakar perubahan daripada konteks beragama yang "eksklusif", inklusif dan akhirnya apa yang disebut oleh saintis sosial sebagai "pluralisme agama". Justeru, kertas kerja ini akan meneliti makna perkataan agama menurut Sarjana Barat dan Muslim, merungkai perkembangan pengalaman beragama agama Kristian dan agama-agama lain di Barat melalui sudut pandang teologi Kristian secara eksklusif, inklusif dan pluralisme agama, dan menyenaraikan kesan perubahan teologi ini kepada agama Kristian dan masyarakat Barat. Metodologi kajian adalah bersifat deskriptif dan kajian perbandingan terhadap penulisan-penulisan sarjana Muslim dan Barat tentang pemahaman idea pluralisme agama. Dapatan kajian ini juga telah mendapati bahawa walaupun terdapat usaha untuk mempromosikan fahaman pluralisme agama di Barat dan di seluruh dunia ini tetapi usaha ini mendapat tentangan dalam kalangan tokoh agama Kristian dan para pemikir di Barat.

Kata kunci: Wacana Pluralisme Agama, eksklusif agama, inklusif, pluralisme agama, Agama Kristian, teologi, Barat.

PENDAHULUAN

Wacana Pluralisme Agama telah berkembang dan menjadi perbahasan di kalangan para cendekiawan Barat mahupun dalam kalangan dunia Muslim semenjak akhir kurun ke20. Malah, faham eksklusif agama atau (*religious exclusivism*) telah mencorakkan dan memberi kesan kepada pemahaman maksud agama di Barat. Ini kerana, perkataan "agama" seringkali dikaitkan dengan faham eksklusif agama yang didominasi oleh agama Kristian dan telah menjadi kayu ukur dalam menetapkan ciri-ciri penting agama lain (*non-Christians*). Pengalaman agama Kristian juga melakar perubahan daripada konteks beragama yang "eksklusif", inklusif dan akhirnya apa yang disebut oleh saintis sosial sebagai "pluralisme agama".

Tidak dinafikan juga, dalam membahaskan tentang konsep pluralisme agama kebanyakan sarjana melihat kepada makna klasik dan asal perkataan agama itu sendiri dalam konteks agama Kristian. Oleh itu, perbahasan tentang makna perkataan agama di Barat juga dilihat relevan dan seiring dalam wacana pluralisme agama. Ini kerana makna agama dan perkembangannya itu dirungkai daripada pengalaman agama Kristian terhadap agama-agama lain di dunia. Justeru, kertas kerja ini akan meneliti makna perkataan agama menurut Sarjana Barat dan Muslim, merungkai perkembangan pengalaman beragama agama Kristian dan agama-agama lain di Barat dan termasuklah di Asia dan menyenaraikan beberapa tokoh penting di Barat yang cuba memelopori idea Pluralisme Agama. Dapatan kajian ini juga telah mendapati bahawa terdapat usaha untuk mempromosikan fahaman pluralisme agama di Barat dan di seluruh dunia ini tetapi usaha ini mendapat tentangan dalam kalangan tokoh agama Kristian dan para pemikir di Barat.

Makna Perkataan Agama di Barat

Clarke dan Byrne bersetuju bahawa untuk memahami maksud perkataan "agama" di Barat adalah suatu perkara yang mencabar kerana ia selalu dikaitkan dengan perkembangan agama Kristian dan teori-teori moden Barat seperti sekularisme, liberalisme. Pemahaman asal atau klasik tentang agama ialah memberikan ketaatan yang sempurna kepada tuhan-tuhan telah melalui suatu transformasi oleh penganut Kristian dengan membawa maksud kebaikan yang khusus, atau keadilan, atau memperlihatkan kepada tuhan suatu ketaatan (dalam apa jua bentuk upacara keagamaan, kepatuhan dan lain-lain). Pemahaman teologi sedemikian seolah-olah telah dilemahkan oleh wacana pemikiran moden untuk melahirkan sarana neutral dalam memilih sistem kepercayaan dan amalan yang memiliki keyakinan yang sama ke atas pandangan teologi yang sudah terbiasa di Barat, atau mengandungi struktur ritual yang mirip kepada sistem-sistem yang membawa kepada penyembahan tuhan peribadi.⁶⁰

Dalam pernyataan di atas, kedua-duanya mengakui bahawa maksud agama dari sudut teologinya telah dibuka seluas-luasnya pada era moden ini untuk menerima sistem kepercayaan, cara peribadatan, pengamalan agama lain yang hampir sama seperti di Barat; seolah-olah makna agama itu sendiri telah dipinggirkan dan dikurangkan kepentingannya. Pernyataan ini turut disokong oleh Ahmad F. Yousif yang menjelaskan bahawa pengalaman di Barat sendiri telah membawa kepada pemisahan "gereja (church) dan negara (state)," dan akhirnya berlaku proses sekularisasi (secularization) masyarakat dan "penswastaaan" (privatization) agama.⁶¹

⁶⁰ Peter B. Clarke and Peter Byrne, *Religion Defined and Explained* (New York: St. Martin's Press, 1993) and emphasis added. [This theological meaning has been whittled away in modern thought in the direction of producing a neutral means of picking out systems of belief and action which have beliefs analogous in important respects to those of the theistic outlooks we are familiar with in the West, and/or have ritual structures similar to those of systems directed toward service of a personal God].

⁶¹ Ahmad F. Yousif, *Application of Wasatiyyah in the Contemporary Muslim World*, Gombak: IIUM Press, 2015.

Adnan Aslan, seorang pemikir Muslim, juga menegaskan bahwa terdapat satu perubahan besar dalam metodologi kajian agama di Barat. Aslan turut menyenaraikan beberapa nama-nama penting yang bertanggungjawab dalam membangunkan kerangka agama sebagai suatu pengalaman hidup dan kepercayaan yang bersifat primitif. Malah mereka juga bersungguh-sungguh untuk membebaskan agama daripada dominasi teks-teks agama dan tradisi.⁶² Nama-nama seperti Charles Darwin, Emile Durkheim, Herbert Spencer, Sigmund Freud and Max Muller dikatakan telah melakar sumbangan yang hebat dalam membicarakan kajian asal-usul agama.⁶³ Kebanyakan sarjana tersebut juga telah terkesan dengan ideologi positivistis-saintisme dan menganggap tradisi kepercayaan agama sebagai primitif dan tahyul.

Corak pemikiran sarjana Barat yang sekular ini sebenarnya tumbuh daripada pengenalan Religionswissenschaft, atau kajian saintifik agama, oleh ahli filologi Jerman-British Friedrich Max Muller (1794-1827), yang turut menandakan permulaan era baru di Barat. "Ia bermula dengan pemisahan Eropah terhadap kajian agama yang bersifat saintifik daripada teologi agama Kristian"⁶⁴. Ia merumuskan pemisahan antara teologi Kristian dalam metodologi kajian agama yang diasaskan oleh Friedrich Max Muller.⁶⁵ Kesan daripada kajian saintifik ini telah melahirkan dua pola pemikiran pada suku abad ke-19. Menurut Imtiyaz Yusuf, revolusi kajian agama secara saintifik pada zaman akademik moden telah menghasilkan dua sudut pandang yang utama; (1) agama hanyalah produk budaya semata-mata yang dipelopori oleh golongan pemikir sains sosial melalui pendekatan reduksionis dan fungsionalis; (2) agama harus dikaji melalui pendekatan interdisiplinari yang diasaskan oleh ahli pemikir fenomenologi dan sejarah agama.⁶⁶ Penekanan pada kaedah "objektif" dan "saintifik" sangat dominan dalam pendekatan Muller, yang telah menyebabkan para sarjana moden menerapkan ciri-ciri tertentu mentafsir agama. Ia dapat dilihat daripada tafsiran agama yang bersifat naturalistik yang telah mencetuskan beberapa disiplin lain seperti antropologi, sejarah, fenomenologi, psikologi, dan sosiologi. Ia terbukti daripada kemunculan 'sains agama' (*science of religion*) dan kemudian diiktiraf sebagai perbandingan agama (*perbandingan agama*) di mana para sarjana mengakui bahawa "agama adalah satu bentuk budaya di seluruh dunia yang perlu difahami sebelum ia dijelaskan. Memahami agama ialah mengetahui corak dan jenis silang budaya dalam

⁶² Adnan Aslan, *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy The Thought of John Hick and Sayyed Hossein Nasr* (Richmond: Curzon Press, 1998), pp.27-30.

⁶³ Adnan Aslan, *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy*., (in chapter two)

⁶⁴ Imtiyaz Yusuf, "Ismail al-Faruqi's Contribution to the Academic Study of Religion", *Islamic Studies*. 53 (1-2): 99-115, 2014.

⁶⁵ F.M. Muller telah menyampaikan empat kuliah tentang Pengenalan Kepada Kajian Saintifik tentang Agama di Royal Institute pada Februari dan Mei 1870. Mircea Eliade and Joseph Mitsuo Kitagawa, eds. *The History of Religions: Essays in Methodology* (Chicago: University of Chicago Press, 1959), hlmn:17-18.

⁶⁶ Imtiyaz Yusuf, "Ismail al-Faruqi's Contribution, 2014.

perspektif seimbang.⁶⁷ Muller berpandangan bahawa "siapa yang tahu satu, bererti tidak tahu apa-apa"⁶⁸

Justeru, agama Kristian dan Gereja khususnya, telah dicabar oleh pemikiran sekular dan moden. Beberapa percubaan turut dilakukan oleh Sarjana Barat untuk menghapuskan agama daripada kehidupan seharian manusia dan mendakwa ianya sebagai kurang penting daripada perkara-perkara duniawi. Wilfred Cantwell Smith, sebagai contoh mendakwa bahawa istilah 'agama' harus dimansuhkan secara kekal daripada wacana pemikiran Barat.⁶⁹ Ia berkaitan dengan kecenderungan yang dipengaruhi oleh saintisme-positivisme yang menjadikan kepercayaan agama tradisional sebagai "primitif dan khurafat".⁷⁰ Keulungan agama (*religious supremacy*) dan wahyu tidak boleh menjadi sebahagian daripada pendekatan rasionalistik moden, sama ada dalam positivisme, materialisme, atau evolusi Darwin. Doktrin agama, lampiran metafizik dan tradisi agama harus diasingkan daripada kajian fokal agama yang mendorong John Hick untuk menggambarkan agama hanya sebagai "tafsiran manusia (yang pelbagai) dan tindak balas kepada Yang Benar."⁷¹ Adnan Aslan yang mengkaji asas agama di Barat menegaskan bahawa "agama telah meninggalkan warisan spekulasi yang telah mengukuhkan kandungannya sekularnya pada generasi akan datang".⁷²

AGAMA KRISTIAN DAN PLURALISME AGAMA

Clarke dan Byrne (1993) berpendapat bahawa pemahaman istilah 'agama' di Barat bukan sahaja ditentukan oleh teori-teori moden mengenai agama, tetapi juga transformasi agama Kristian "yang berasal dari Barat". Haslina Ibrahim ketika membahaskan tentang perkara ini mengakui bahawa faham eksklusif agama yang didominasi oleh Gereja Katholik telah gagal memberi makna jelas tentang maksud agama. Haslina Ibrahim berpendapat bahawa telah berlakunya suatu kecenderungan yang sangat fundamental tentang maksud agama dari sudut ideologi mahupun teologi kepada faham tradisional eksklusif agama Kristian. Pemahaman ini juga membawa maksud kuasa hegemoni dan dominasi tamadun Barat secara langsung. Pandangan ini sangat disokong oleh seorang sarjana Barat Christopher Dawson, yang melihat kepada hubungkait yang kuat antara agama Kristian, budaya dan Tamadun Barat.⁷³

Untuk memahami apa makna teologi Kristian yang bersifat eksklusif seharusnya kita melihat kepada tulisan para sarjana Barat bagaimana mereka

⁶⁷ William E. Paden, *Interpreting the Sacred: Ways of Viewing Religion*. Boston: Beacon Press, 1992.

⁶⁸ F. M. Muller, *Lectures on the Science of Religion*, 1872.

⁶⁹ Wilfred Cantwell Smith, *Towards a World Theology: Faith and the Comparative History of Religion*, Basingstoke, England: Macmillan, 1981.

⁷⁰ Adnan Aslan, *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy*, 1998, hlmn. 31.

⁷¹ John Hick, *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent*. Basingstoke, England: Macmillan, 1989.

⁷² Adnan Aslan, *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy*, 1998, hlmn. 31.

⁷³ Christopher Dawson, *Progress and Religion*, Peru: Sherwood Sugden, 1991.

mendefinisikan agama Kristian itu sendiri.⁷⁴ Ahli teologi Kristian yang mendukung faham eksklusif ini, melihat agama dalam konteks yang sangat tegar (*rigid*) bahawa hanya agama Kristian yang diakui memiliki keabshian kebenaran mutlak (religious truth-claims) dan hanya Jesus Christ sahaja dianggap sebagai penyelamat (*saviour*) dan memberi keampunan kelak (*salvation*). Pada waktu yang sama, mereka sama sekali tidak mengiktiraf kewujudan agama lain yang bukan Kristian (*non-Christians*).⁷⁵ Pengalaman yang sama dapat dilihat ketika mana Kristianisasi datang ke Tanah Melayu dan membawa sifat eksklusif agama Kristian yang menunjukkan persaingan dalam gerakan misionari Kristian terutamanya dengan gerakan Islam.⁷⁶

"Bertaburan di rantau yang luas ini terdiri daripada orang ramai yang tidak pernah mendengar tentang Kristus, tetapi yang cepat mempelajari iman nabi palsu. Jika keadaan ini berterusan *Mohammadenisme* (iaitu Islam) akan menjadi agama Sumatera. Kala ini, ia merupakan perlumbaan antara Salib dan Bulan Sabit. Yang sampai ke telinga dan hati rakyat terlebih dahulu yang akan menguasai. Apa yang akan dilakukan oleh Gereja-gereja Kristian di rumah mengenai perkara itu?"⁷⁷

Pada asalnya, pihak Gereja Katolik hanya cenderung untuk menyebarkan doktrin Kristianiti tentang keselamatan (*salvation*), dan tidak mahu bekerjasama dengan pihak

⁷⁴ Anis Malik Thoha, *Religious Plurality: Myth or Reality?* 2010,

<mpf.org.my/wp/wpcontent/uploads/2010/01/religiouspluralitydranis.pdf>

⁷⁵ Terdapat dua bentuk hubungan di antara penjajah dan gerakan kristianisasi. Pada kurun ke 16 & 17, peranan mubaligh Kristian Katolik adalah untuk memastikan kelangsungan agama Kristian dan kuasa Gereja Katolik di bawah tanah jajahan baru iaitu di bawah arahan Gereja (Patronato & Padroado) yang masing-masing dibiayai oleh kerajaan Portugal dan Spain. Manakala bermula kurun ke 18 dan 19, pihak gereja Katolik tidak lagi bekerjasama dengan kuasa kolonial. Gerakan kristianisasi ini lebih didominasi oleh mubaligh Kristian dari England yang hanya cenderung untuk menyebarkan agama dan doktrin "keselamatan" (*salvation*). Akan tetapi, terdapat beberapa kompromi yang dilakukan antara mubaligh Kristian dan penjajah British. Lihat Haslina Ibrahim, *Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan*. Dalam: Seminar al-Qur'an dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keprihalan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan, 19-20 July 2011, IKIM, Jalan Duta, Kuala Lumpur. (Unpublished), 2011.

⁷⁶ Marina Munira bt Abdul Mutalib. *The Nature of Islamic Da'wah and Christian Mission in a Multi-Religious Society: A Comparative Study in the Malaysian Context* (unpublished thesis, University of Birmingham, 2004).

⁷⁷ Cited in Zwemmer, S.M., "The Plea for the Malays," in *The Moslem World*, Vol.III, 1913, pp.170-174.

"Scattered through this vast region are multitudes who have never heard of Christ, but who are rapidly learning the faith of the false prophet. If things go on at this pace Mohammadensim (i.e., Islam) will be the religion of Sumatra. It is now a race between the Cross and the Crescent. The one which gets to the ears and hearts of the people first will be the ruling faith. What will the Christian Churches at home do about the matter?"

penjajah British. Namun, beberapa keputusan baharu telah diambil antara pihak mubaligh Kristian dan kuasa kolonial British. Kedua-duanya berpandangan bahawa kerjasama antara keduanya dapat meluaskan pengaruh dan kuasa kolonial British dan agama Kristian.⁷⁸

Kitagawa juga mengulas tentang hubungan antara agama Kristian dan pengaruh penjajahan British melalui formula berikut:

Agama Kristian memainkan peranan yang penting dalam mencernakan agama, budaya, masyarakat dan kelangsungan politik yang memberi legitimasi terhadap objektif penjajahan di negara bukan Barat. Kerana itu terdapat formula yang dibuat bagi menjelaskan hubungan ini;

Eropah/Barat – Kristian- Bangsa Terbaik

Bukan Eropah/Barat- Bukan Kristian (Agama Tempatan) – Bangsa yang Lemah⁷⁹

Namun, masa berubah begitu juga keadaan politik semasa. Para mubaligh Kristian mula merasakan bahawa strategi mereka dalam menawan hati penganut agama lain seringkali gagal disebabkan faktor tidak toleran dan terbuka. Ini telah memaksa mereka untuk membuat penilaian semula terhadap faham tradisional eksklusif yang dipegang selama ini khususnya oleh gereja Roman Katholik. "Para mubaligh Kristian telah mula sedar dan melihat agama lain mempunyai pandangan mereka sendiri tentang Tuhan/kebenaran Mutlak (God/ The Absolute Truth), nilai akhlak dan keyakinan tersendiri terhadap agama yang mereka anuti."⁸⁰ William Cantwell Smith melalui karya beliau *The Meaning and End of Religion* telah membidas pakar-pakar teologi dan sarjana Barat terhadap monopoli faham eksklusif agama Kristian kerana memberi sudut pandang negatif kepada penganut-penganut agama lain yang bukan Kristian (*non-Christians*). Ironinya, faham eksklusif ini akhirnya mendapat tentangan yang hebat dalam kalangan ahli teologi Kristian sendiri. Mereka mendakwa agama Kristian telah menjadi agama yang tidak toleran (*intolerant*) terhadap kemanusiaan sejagat dan bersikap prejudis terhadap penganut agama lain.⁸¹

⁷⁸ Haslina Ibrahim, *Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama*, 2011.

⁷⁹ Joseph Mitsuo Kitagawa, *The Quest for Human Unity: A Religious History*, Minneapolis: Fortress Press, 1990.

⁸⁰ Haslina Ibrahim, *Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama*, 2011, hlmn. 9.

⁸¹ William Cantwell Smith dalam karyanya *The Meaning and End of Religion* mengkritik hebat para sarjana dan teologi kristian yang memahami agama hanya daripada faham eksklusif agama Kristian. Malah, beliau tidak bersetuju sama sekali dengan pentafsiran ini yang bertanggungjawab penuh dalam meletakkan kriteria penting terhadap agama-agama bukan Kristian. Lihat W.C. Smith, *The Meaning and End of Religion: A New Approach to the Religious Traditions of Mankind*, New York: The Macmillan Company, 1963.

Sudut pandang eksklusif ini mula sarat dengan konotasi negatif dalam kalangan sarjana Barat terutamanya daripada kalangan ahli teologi Kristian sendiri sekitar akhir kurun ke-19. Atas semangat toleransi dan hak kemanusiaan yang rata-rata diperjuangkan oleh golongan modernist, ramai beranggapan bahawa faham eksklusif agama ini sudah lapuk dan tidak lagi relevan dengan peredaran semasa. Ia juga seiring dengan punca-punca kegagalan mubaligh-mubaligh Kristian untuk menarik lebih ramai pengikut melalui gerakan Kristianisasi di Asia pada kurun ke-16 dan 17.

Malah, sudut pandang eksklusif ini dilihat gagal membantu para sarjana Barat memahami istilah agama itu sendiri.⁸² W.C. Smith juga turut menyarankan agar perkataan agama itu digugurkan dalam metodologi kajian agama kerana konotasi negatif berpunca daripada faham eksklusif Kristian. Menurut Smith lagi, agama hanyalah merujuk kepada cumulative tradition (tradisi yang diikuti dari satu generasi ke generasi lain) dan bukan kepada aspek spiritual seseorang tentang kepercayaannya (*faith*). Justeru, pada tahun 1981, Smith telah mencadangkan satu disiplin ilmu baharu yang dikenali sebagai teologi dunia atau *World Theology* yang dikatakan dapat berlaku adil kepada agama-agama lain dan tanpa perlu mendominasi doktrin Kristian kepada agama-agama lain.⁸³

Kegagalan misi dakwah mubaligh-mubaligh Kristian ke tanah Melayu akhirnya telah menyebabkan berlakunya kompromi dalam faham traditional eksklusif agama Kristian untuk lebih bersikap terbuka menerima kehadiran agama-agama bukan Kristian; seperti Islam, Agama Buddha, Agama Hindu dan lain-lain lagi.⁸⁴ Paden juga berpandangan bahawa pengalaman agama Kristian berhubung dengan kepelbagaian agama juga dapat dilihat dalam hubungannya dengan agama-agama Asia yang telah menjadi bahagian penting dalam kajian agama di Barat. Para agamawan dan pemikir di Barat mula memperihalkan tentang perpaduan manusia dan menyedari manusia dicipta berbeza-beza dari segi bahasa, rupa paras, agama dan tradisi masing-masing.⁸⁵

Perubahan Faham Teologi Kristian: Daripada Eksklusif kepada Inklusif

Walaupun setelah sekian lama faham tradisional eksklusif ini dimonopoli agama Kristian, akhirnya Gereja Katholik Kristian mengambil keputusan untuk menukar sudut pandang teologi mereka kepada inklusif.⁸⁶ Menurut Haslina Ibrahim, faham inklusif ini telah secara rasminya dirakamkan pada Majlis Kedua Vatican sekitar tahun 1965. Keutamaan mempelajari agama di Barat secara jelas menunjukkan bagaimana agama Kristian menetapkan pengalamannya berhubung dengan orang

⁸² Haslina Ibrahim, *Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama*, 2011.

⁸³ W.C. Smith, *The Meaning and End of Religion*, 1963.

⁸⁴ William E. Paden, *Interpreting the Sacred: Ways of Viewing Religion*. Boston: Beacon Press, 1992.

⁸⁵ Kitagawa, *The Quest for Human Unity*, 1990, hlmn. 180.

⁸⁶ Terrence W. Tilley, "Christian Orthodoxy and Religious Pluralism", *Modern Theology*, 22:1, Jan 2006, USA: Blackwell Publishing Ltd., hlmn. 51-63.

Kristian tanpa nama atau "anonymous Christian".⁸⁷ Paul Knitter, iaitu seorang ahli teologi Katolik yang terkenal dengan karyanya *No Other Name*, menjadi perintis terhadap faham teologi ini.⁸⁸ Pihak gereja Katolik juga turut melahirkan penghargaan secara rasminya terhadap setiap agama besar yang wujud di dunia dan merungkai permasalahan manusiawi.⁸⁹

William E. Paden, salah seorang sarjana juga telah menyatakan bahawa agama-agama lain (*the Christian's others*) telah menjadi sebahagian daripada pengalaman Kristian dan ini juga menegaskan lagi pendirian agama Kristian terhadap kepelbagaian agama terutamanya kepada agama-agama besar di Asia. Selama ini pendekatan moden Kristianiti telah sinonim menggunakan penguasaan (hegemoni) dan kelebihan mereka terhadap agama-agama lain yang ada di Asia. Malah, ramai sarjana lain yang menyokong usaha ini untuk melahirkan satu pengalaman yang lebih menghormati kewujudan dan kepelbagaian agama-agama lain di dunia ini.⁹⁰ Malah kenyataan rasmi Gereja Katolik ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mewujudkan hubungan yang positif antara Yahudi dan Kristian.⁹¹

Faham eksklusivime ini juga dianggap sebagai tidak beretika kerana sikap berdiam diri pihak gereja Katolik terhadap pembunuhan beramai-ramai orang yahudi (peristiwa Holocaust). Ia juga telah menimbulkan rasa bersalah kepada pihak gereja kerana mempertahankan suatu fahaman yang tidak berperikemanusiaan.⁹² Faham inklusivisme mula diterima di kalangan agamawan Kristian sebagai identiti baharu Gereja Roman Katolik khususnya terhadap hubungan antara agama pada akhir kurun ke 20.⁹³ Sikap dan pendirian baharu ini telah turut memberi inspirasi kepada para agamawan Kristian sehinggakan dikatakan sebagai mewakili arus perdana Kristian. Rentetan daripada itu juga, para Sarjana Barat juga berusaha untuk menampilkan agama Kristian sebagai satu agama yang toleran, terbuka dan mengakui kepelbagaian agama dan hak asasi kemanusiaan. Inilah yang sering dicanang oleh golongan inklusif ini.

Walau bagaimanapun, wacana perbahasan tentang sudut pandang Kristian terhadap agama lain berlarutan sehingga menular di dalam ideologi dan kepercayaan

⁸⁷ Istilah yang digunakan oleh Karl Rahner untuk menggambarkan pendekatan inklusif dalam kebenaran keselamatan.

⁸⁸ Paul Francis Knitter, *No Other Name: A Critical Survey of Christian Attitudes Towards the World Religions*, Maryknoll, New York: Orbis Books, 1985.

⁸⁹ Milkka Roukanen. 1992. *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions (According to the Second Vatican Council)*, Leiden: E.J.Brill.

⁹⁰ William E. Paden, *Interpreting the Sacred...*; See also Paul Knitter, "Preface" in *The Myth of Christian Uniqueness*, ed. J. Hick and P. Knitter (Maryknoll, N.Y.: Orbis, 1988), hal.vii.

⁹¹ Glyn Richard. 1989. *Towards A Theology of Religions*, London & New York: Routledge, hal.11)

⁹² (Milkka Roukanen, 1992. *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions*, hal. 35.)

⁹³ . (Gavin D. Costa, *Theology and Religious Pluralism: The Challenge of Other Religions*, Oxford: Basil Blackwell, 1986, hal.81.)

orang Kristian. Ini dapat di lihat di dalam penulisan Ernst Troeltsch⁹⁴ di dalam karyanya *The Place of Christianity among the World Religions* adalah suatu tamparan hebat bagi agama Kristian. Troeltsch telah sama sekali menafikan keabsahan mutlak agama Kristian dengan mengatakan bahawa kebenaran itu bukan dalam pemilikan agama Kristian, atau agama-agama tertentu. Semua agama berkongsi elemen kebenaran dan konsep Ketuhanan yang sama; dan ia bersifat banyak (plural) dan bukan satu (singular). Troeltsch juga telah membawa suatu peralihan daripada faham inklusif kepada pluralisme agama. Beliau dikatakan aktif mempopularkan idea pluralisme agama ini dalam syarahan beliau di Oxford sebelum menghembus nafas terakhir sekitar tahun 1923.

Kemuncak kepada usaha ini ialah apabila ia digarap dalam misi untuk membebaskan teologi (*liberation theology*) agama Kristian yang selama ini bersifat jumud (traditional) dan eksklusif. Gagasan pembebasan teologi ini memacu usaha ke arah menilai semula pegangan mereka terhadap isu-isu fundamental dalam sistem kepercayaan Kristian, antaranya ialah tentang kehendak tuhan, mesej dan ajaran Bible, Jesus, doktrin tentang inkarnasi Jesus Christ dan gerakan misionari Kristian.⁹⁵

KRISTIANITI DAN FAHAM PLURALISME AGAMA

William E. Hocking berpandangan bahawa tanggapan bahawa semua agama adalah sama sangat memberi impak kepada pihak berkuasa dan gereja-gereja Kristian bersama-sama dengan ahli teologi.⁹⁶ Malah, agama Kristian telah menjadi asas utama yang membolehkan ideologi pluralisme agama berkembang. Glauz-Todrank juga bersetuju bahawa agama Kristian "mula mengalami suatu metamorfosis daripada pandangan sarwa Katolik Rom dan Protestan tradisional kepada sesuatu yang sama sekali baru".⁹⁷ Faham Pluralisme agama dibangunkan sebagai reaksi menghadapi sikap tidak bertoleransi di kalangan agama, terutamanya yang ditujukan terhadap "tuntutan kebenaran eksklusif" agama Kristian. Jika kita melihat sejarah fenomena agama ini, doktrin *Extra Christum Nulla Salus* (tidak ada keselamatan di luar Kristus) adalah sangat dominan dalam doktrin kepercayaan Kristian Protestan sehingga akhir abad ke-19. Gereja Katolik juga menegaskan pendekatan yang sama ke arah keselamatan dalam doktrin *extra ecclesiam Nulla Salus* yang bermaksud "tiada keselamatan di luar Gereja".

Mengambil kira tentang hubungan Gereja Katolik, terutamanya kedudukan terhadap orang bukan Kristian, tiada siapa yang boleh menafikan bahawa Majlis

⁹⁴ Ernst Troeltsch. 1980, 'The Place of Christianity among the World Religions' in John Hick and Brian Hebblethwaite (eds), *Christianity and Other Religions*, Glasgow: Fount Paperbacks, , hal.11-31.

⁹⁵ Harold Coward, *Pluralism & Challenge*, hal.13.

⁹⁶ Hocking, William E, *Living Religions and A Wolrd Faith*. New York: Macmillan 1940.

⁹⁷ Stephen Glauz Todrank, *Transforming Christianity: Ten Pathways to a New Reformation*. New York: Crossroad Publishing, 1996,

Vatikan Kedua⁹⁸, Deklarasi *Nostra Aetate*⁹⁹ dan Perintah *Ad Gentes* adalah dokumen penting yang telah membuka lembaran baharu pihak Gereja dalam memahami penganut agama lain. Deklarasi ini juga telah memecahkan rantai eksklusivisme dan menentang pendirian eksklusif tradisional terhadap agama lain.¹⁰⁰

Walau bagaimanapun, motif untuk mengekalkan hubungan baik antara agama Kristian dengan penganut agama lain diikuti dengan kecenderungan untuk menyamaratakan semua agama atas landasan keselamatan abadi (*salvation*).¹⁰¹ Usaha itu dianggap mengelirukan dan bertentangan dengan niat Paus di Vatikan II.¹⁰² Dasar pluralisme agama yang bercanggah itu juga merupakan salah satu kesan penting daripada perisytiharan ini dan ia dianggap sebagai menyeleweng sepertimana yang disahkan dalam dokumen *Suruhanjaya Teologi Antarabangsa*.¹⁰³

Perbahasan ilmiah mengenai pluralisme agama giat diperluaskan melalui misi untuk memupuk sifat kasih sayang, toleransi beragama dan nilai-nilai yang seiring dengan arus kemodenan terutamanya dalam suasana masyarakat yang berbilang agama dan kepercayaan.¹⁰⁴ Namun, pengalaman di Barat menyaksikan bahawa ia turut menghalang penganut-penganut agama untuk menyatakan kepercayaan mereka secara terbuka dan dianggap tidak toleran, jumud, dan sebagainya. Sehingga ramai pengkaji merumuskan bahawa pluralisme agama ini adalah suatu ideologi yang menipu. Ahmad F. Yousif juga mengutarakan soalan yang sama, "Adakah masalah yang dicituskan daripada kehidupan berbilang agama ini dapat diselesaikan melalui tanggapan pluralisme agama ini? Sekiranya tidak, ia hanyalah sebuah slogan kosong yang memperdaya ramai orang untuk mempercayainya."¹⁰⁵

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bolehlah dirumuskan bahawa faham pluralisme ini bukanlah pilihan terbaik yang telah disepakati oleh para pemikir Barat dan agamawan Kristian sama ada Kristian Protestant atau pun Katolik di Barat. Walaupun, usaha untuk menjadikan faham pluralisme agama ini sebagai suatu pilihan wajib dalam mendepani kepelbagaian, ia wajar untuk dilihat dan dikaji semula terutamanya

⁹⁸ Majlis Vatikan kedua merupakan institusi dogmatik Gereja yang diisytiharkan oleh Paus Paul VI pada 21 Nov 1964.

⁹⁹ Perisytiharan mengenai hubungan gereja dengan agama bukan Kristian telah dikeluarkan oleh Paus Paul VI pada 28 Oktober 1965.

¹⁰⁰ Fatmir Mehdi Shehu, *Nostra Aetate and the Islamic Perspective of Inter-Religious Dialogue*, Selangor: IIUM Press, 2008, hlmn. 12.

¹⁰¹ John L. Allen, *Pope Benedict XVI: A Biography of Joseph Ratzinger*, London: The Continuum International Publishing, 2000.

¹⁰² http://www.vatican.va/roman_curia/congregations/chaith/ctu_documents/rc_cti_20120308_ladaria_en.html (diakses pada Januari 23, 2014).

¹⁰³ Ibid.

¹⁰⁴ Bernard Lewis,

¹⁰⁵ Ahmad F. Yousif, "Islam Minorities and Religious Freedom: A Challenge to Modern Theory of Pluralism. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 20:1, 2000, hlmn. 32.

usaha-usaha yang digerakkan untuk merealisasikan motif ini di mana-mana negara terutamanya di Asia.

RUJUKAN

- Ahmad F. Yousif. (2000). "Islam Minorities and Religious Freedom: A Challenge to Modern Theory of Pluralism. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 20:1. 29-41.
- Allen, John L. (2000). *Pope Benedict XVI: A Biography of Joseph Ratzinger*. London: The Continuum International Publishing,
- Anis Malik Thoha. (2010). *Religious Plurality: Myth or Reality?* <mpf.org.my/wp/wpcontent/uploads/2010/01/religiouspluralitydranis.pdf>
- Aslan, Adnan. (1998). *Religious Pluralism in Christian and Islamic Philosophy: The Thought of John Hick and Seyyed Hossein Nasr*. Richmond UK: Curzon.
- Clarke, Peter B. & Byrne, Peter. (1993). *Religion Defined and Explained*. New York: St. Martin's Press.
- Costa, Gavin D. (1986). *Theology and Religious Pluralism: The Challenge of Other Religions*. Oxford: Basil Blackwell.
- Dawson, Christopher. (1991). *Progress and Religion*, Peru: Sherwood Sugden. 1991.
- Eliade, Mircea and Kitagawa, Joseph Mitsuo, (eds.) (1959). *The History of Religions: Essays in Methodology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Haslina Ibrahim. (2011). *Dari Kepelbagaian Agama kepada Pluralisme Agama: Sejarah Perkembangan*. Dalam: Seminar al-Qur'an dan Cabaran Pluralisme Agama: Pengajaran Masa Lalu, Keprihalan Semasa dan Hala Tuju Masa Depan, 19-20 July 2011. IKIM, Jalan Duta, Kuala Lumpur. (Unpublished).
- Hick, John. (1989). *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent, Basingstoke*. England: Macmillan.
- Hocking, William E. (1940). *Living Religions and A World Faith*. New York: Macmillan.
- Intiyas Yusuf. (2014). "Ismail al-Faruqi's Contribution to the Academic Study of Religion". *Islamic Studies*. 53 (1-2): 99-115.
- Kitagawa, Joseph Mitsuo. (1990). *The Quest for Human Unity: A Religious History*. Minneapolis: Fortress Press.
- Knitter, Paul Francis. (1988). "Preface" in *The Myth of Christian Uniqueness*. ed. J. Hick and P. Knitter, Maryknoll. New York: Orbis.
- Knitter, Paul Francis. (1985). *No Other Name: A Critical Survey of Christian Attitudes Towards the World Religions*. Maryknoll, New York: Orbis Books.
- Marina Munira Abdul Mutalib. (2004). *The Nature of Islamic Da'wah and Christian Mission in a Multi-Religious Society: A Comparative Study in the Malaysian Context (unpublished thesis)*. University of Birmingham.
- Muller, F. M. (1972). *Lectures on the Science of Religion*, New York: Charles Scribner Co.
- Muller, F.M. (1872). *Introduction to the Science of Religion: Four Lecturers Delivered at the Royal Institution in February and May 1870*. London: Longmans, Green, and Co.
- Paden, William E. (1992). *Interpreting the Sacred: Ways of Viewing Religion*. Boston: Beacon Press.

- Richard, Glyn. (1989). *Towards A Theology of Religions*, London & New York: Routledge.
- Roukanen, Milkka. (1992). *The Catholic Doctrine Of Non-Christian Religions (According to the Second Vatican Council)*. Leiden: E.J. Brill.
- Shehu, Fatmir Mehdi. (2008). *Nostra Aetate and the Islamic Perspective of Inter-Religious Dialogue*, Selangor: IIUM Press.
- Smith, Wilfred Cantwell. (1981). *Towards a World Theology: Faith and the Comparative History of Religion*. Basingstoke, England: Macmillan.
- Smith, Willian Cantwell. (1963). *The Meaning and End of Religion: A New Approach to the Religious Traditions of Mankind*. New York: The Macmillan Company.
- Tilley, Terrence W. (2006). "Christian Orthodoxy and Religious Pluralism", *Modern Theology*, 22:1, Jan. USA: Blackwell Publishing Ltd., hlmn. 51-63.
- Todrank, Stephen Glauz/ (1996). *Transforming Christianity: Ten Pathways to a New Reformation*. New York: Crossroad Publishing.
- Troeltsch, Ernst. (1980). 'The Place of Christianity among the World Religions' in John Hick and Brian Hebblethwaite (eds). *Christianity and Other Religions*, Glasgow: Fount Paperbacks.
- Yousif, Ahmad Fadhil. (2015). *Application of Wasatiyyah in the Contemporary Muslim World*. Gombak: IIUM Press.
- Zwemmer, S.M. (1913). "The Plea for the Malays," in *The Moslem World*, Vol. III: 170-174.

Laman Sesawang

http://www.vatican.va/roman_curia/congregations/chaith/ctu_documents/rc_cti_20120308_ladaria_en.html (diakses pada Januari 23, 2014).